

BAB KEDUA

DEFINISI GHALAT DALAM PERUNDANGAN ISLAM

BAB KEDUA

DEFINISI *GHALAT* DALAM PERUNDANGAN ISLAM

Bahagian ini membincangkan definisi *ghalat* dari segi bahasa dan istilah Syarak yang diambil dari pandangan-pandangan sarjana Islam.

2.1. Huraian Maksud Perkataan *Ghalat* dan Akad

Dalam tajuk ini terdapat dua prasa penting iaitu *ghalat* dan *'aqd*. Penelitian maksud kedua-dua perkataan ini perlu untuk membataskan skop kajian. *Ghalat* menurut bahasa ialah seseorang menyedari pada sesuatu barang tetapi tidak mengetahui keadaan yang sebenar. Orang Arab selalu menyatakan *ghalat* berlaku pada pertuturan dan perkataan. Al-Layth pula berpendapat *ghalat* ialah semua perkara yang orang sedar keadaan sebenar dan dalam keadaan sedar.¹ Dalam bahasa Inggeris *ghalat* dikenali sebagai *mistake* atau *error*.² Manakala dalam bahasa Melayu ialah salah faham atau salah mengerti.³

Dalam kamus Dewan Bahasa, khilaf dertiikan sebagai kesilapan yang tidak disengajakan.⁴ Istilah ini digunakan dalam Akta Kontrak Malaysia 1950. Oleh itu istilah khilaf dalam bahasa Melayu lebih memenuhi

kehendak *ghalat* dalam bahasa Arab. Tetapi penulis lebih cenderung mengenengahkan istilah *ghalat* itu sendiri untuk menjelaskan konsep tersebut dalam perbicaraan ini. Selain itu dapat di perkenalkan dengan lebih meluas lagi dalam penggunaan istilah perundangan Islam.

Tidak ada perkataan *ghalat* dalam al-Quran, tetapi ia seerti dengan perkataan *khata'* yang banyak digunakan dalam al-Quran. Menurut Ibn Manzur dan Zubayd i *khata'* berlawanan dengan benar.⁵ Oleh itu *khata'* diertikan sebagai salah atau silap. Allah S.W.T berfirman dalam surah al-Nisa' ayat 92:

وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا خَلَقَهُ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ وَمَنْ دَرَدَهُ اللَّهُ أَلَّا يَأْتِيَ بِأَذْنَانَ يَرْسُقُوا

“Dan sesiapa membunuh seorang Mukmin kerana tersalah hendaklah ia memerdekaan seorang hamba sahaya yang beriman serta membayar diat yang diserahkan kepada keluarga si terbunuh kecuali jika mereka bersedekah”

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa pembunuhan yang dilakukan secara tersilap tidak perlu dijatuhkan hukuman hudud bahkan hanya perlu membayar diat kepada ahli keluaga terbunuh.

Ghalat juga dapat dilihat dalam hadith Rasulullah S.a.w yang diriwayatkan oleh Ma`awiyah:⁶

أَنَّ النَّبِيَّ نَهَىٰ عَنِ الْغُرُوهَاتِ

“Rasulullah mlarang dari melakukan **keghalatan**”

Hadith ini berkaitan dengan fatwa yang dikeluarkan oleh ulama Islam supaya tidak melakukan kesilapan semasa mengeluarkan fatwa yang silap boleh membawa keburukan dan fitnah kepada umat Islam.⁷ Oleh itu seseorang yang hendak mengeluarkan fatwa mestilah mempunyai kelayakan dalam al-Quran, hadith dan ath ar para sahabat R.a.

Akad juga satu istilah Arab yang dimelayukan dari perkataan *'aqd* yang bermaksud kontrak.⁸ Akad dari segi bahasa Arab pula ialah *al-'ahd* iaitu perjanjian seperti firman Allah S.W.T:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ أَمْنَوْا أُوفُوا بِالْحُقُودِ

“Wahai orang yang beriman hendaklah kamu melaksanakan *'uq ud'*”

'Uq ud' merupakan kata jamak dari perkataann *'ahd*.

Dari segi istilah Syarak pada perkara 103 dan 104 *Majallah al-Ahk am Adliyyah* menyatakan bahawa ikatan dan perjanjian yang dibuat di antara dua orang yang berakad terhadap sesuatu perkara yang diikat dengan menggunakan penawaran dan penerimaan atau ijab dan qabul yang mempunyai kesan dari segi Syarak.⁹ Kesan dari segi Syarak seperti

pemindahan milik barang dari penjual kepada pembeli dan perpindahan nilai harga kepada penjual.

Terdapat banyak takrifan yang dikemukakan oleh fuqaha' mengenai akad, tetapi pada hakikatnya sama sahaja di antara satu sama lain dan mempunyai kesan yang sama. Contohnya seperti takrifan yang dibawa oleh Muhammad Yusuf Musa dan Dr Wahbah Zuhaylī. Mereka mentakrifkannya sebagai perkataan salah seorang yang berakad dengan pihak kedua yang dari segi Syarak mempunyai kesan pada barang yang diakadkan.¹⁰

2.2. Pensyariatan *Ghalat* dalam Akad

Sememangnya tidak terdapat nas yang jelas mengenai *ghalat* sehingga menjelaskan kerelaan dalam akad jualbeli, tetapi pada pendapat penulis ia boleh dikaitkan dengan konsep *khata'* yang banyak disebut dalam al-Quran dan hadith Rasulullah S.a.w seperti yang disebutkan di atas. Silap dalam Islam ialah seorang yang melakukan sesuatu perbuatan tanpa mempunyai niat contohnya seorang yang menembak buruan tetapi sasarannya terkena manusia sedangkan ia tidak berniat untuk menembak manusia apalagi membunuhnya. Menurut pandangan ulama *khata'* atau silap dibahagikan kepada dua iaitu silap yang boleh dimaafkan dan silap yang tidak boleh dimaafkan.¹¹ Silap yang boleh dimaafkan ialah silap yang

melibatkan hak Allah S.W.T seperti membunuh dengan tidak sengaja atau silap. Islam menetapkan supaya membayar diat dan tidak dikenakan hukum hudud atau qisas.

Kesilapan yang tidak dimaafkan ialah kesilapan yang berkaitan dengan hak manusia contohnya seseorang yang merosakkan harta seseorang keadaan silap sekalipun perlu menggantikannya.

Antara ayat al-Quran berkaitan dengan *ghalat* seperti firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarah ayat 286:

رِبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِيْنَا أَوْ أَخْطَلْنَا

“Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau tersalah”

Dalam ayat yang lain Allah S.W.T berfirman dalam surah al-Ahzab ayat 5:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَلْتُمْ بِهِ وَلَكُمْ مَا تَحْدَثُ
قَلُوبُكُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُولٌ رَّحِيمٌ

“Dan tidak ada dosa atasmu terhadap apa yang kamu khilaf, tetapi yang ada dosanya apa yang disengaja oleh hatimu. Dan adalah Allah maha pengampun lagi maha penyayang”

Ayat ini menjelaskan bahawa tidak menjadi kesalahan jika lalu membinkan anak angkat dengan bapa angkat dalam keadaan silap atau tersalah kerana tidak ada larangan dari Allah S.W.T. Tetapi apabila ayat larangan diturunkan maka tidak ada sebab untuk melakukannya lagi.¹²

Selain itu terdapat hadith-hadith Rasulullah s.a.w yang berkaitan dengan *ghalat* seperti sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbās R.a:¹³

رُفِعَ عَنْ أُمِّيِّ الْخَطَا وَالسَّيْئَنَ وَمَا اسْتَكْهُوا لَهُ

“Bahawa Allah S.W.T mengangkat dari umat Muhammad s.a.w dari tersilap, lupa dan paksaan.”

Hadith ini menunjukkan dengan jelas bahawa perbuatan yang dilakukan dalam keadaan tersilap adalah diampunkan oleh Allah S.W.T.

Dalam hadith yang diriwayatkan yang oleh Ibn 'Abbās, Rasulullah s.a.w bersabda:¹⁴

لَا خَطَأٌ وَلَا خَطْرٌ

“Tidak ada kemudarat dan perkara yang memudaratkan”

Petikan hadith ini menghasilkan beberapa kaedah lain seperti “kemudaran mesti dihilangkan” dan lain-lain. Hadith ini bermaksud bahawa semua perkara yang memudaraskan perlulah dihapuskan samada sebelum atau selepas ia berlaku kecuali terdapat dalil yang mensyariatkannya seperti hukuman kepada penjenayah.¹⁵ Oleh itu kesilapan yang membawa kemudaran pada sebelah pihak atau kedua-dua pihak perlulah dihalang sebelum sesuatu akad dibentuk atau mempunyai alternatif yang lain jika ia sudah dibentuk.

Oleh itu berdasarkan kepada ayat al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w menunjukkan bahawa *ghalat* memberi kesan kepada akad jualbeli.

2.3. Konsep *Ghalat*

Konsep *ghalat* adalah berbeza di antara perundangan Islam dengan yang lain. Menurut ‘Abd Fattah ‘Abd Baqî konsep *ghalat* lebih terdahulu dikenali dalam perundangan sivil Rom berbanding dengan perundangan Islam.¹⁶ Perundangan sivil Islam hanya digubal pada awal kurun ke sembilanbelas dengan *Majallah al-Ahkâm ’Adliyyah* di Turki pada tahun 1293 Hijrah, *Mursyid Hayran*-1875 dan Undang-undang Sivil Mesir 1949.

Konsep *ghalat* dalam undang-undang Mesir lebih cenderung kepada konsep *ghalat* dalam perundangan Jerman yang lebih mengambilkira konsep *z at i*. Konsep ini bermaksud sifat-sifat utama yang mempengaruhi kedua-dua belah pihak yang berkontrak pada sesuatu barang.¹⁷ Oleh itu konsep ini mengambilkira persoalan kehendak sebenar individu pada sesuatu barang yang dikehendaki.

Sebenarnya terdapat dua aliran *ghalat* dalam perundangan iaitu aliran *z at i* dan *mawd u i*. Konsep *z at i* didokongi oleh aliran Latin manakala konsep *mawd u i* didokongi oleh aliran Jerman.¹⁸ Konsep *mawd u i* pula ialah sifat-sifat luaran pada sesuatu barang. Melihat pada peruntukan *ghalat* dalam Undang-undang Sivil Mesir sebenarnya menggabungkan kedua-dua unsur tersebut. Sememangnya Undang-undang Sivil Mesir dipengaruhi oleh beberapa prinsip dari undang-undang Perancis kerana ia merupakan jajahan Perancis di antara 1789 sehingga 1801.¹⁹ Undang-undang Perancis pula lebih mirip kepada undang-undang Jerman.²⁰

Aliran ini akan membawa kepada perbezaan dari segi pembawaan, pentafsiran, penyelesaian, kesan dan sebagainya kepada permasalahan *ghalat* dalam perundangan. Oleh itu bagaimana pula muamalat Islam mengatasi masalah ini.

2.4. Pandangan Ulama Mazhab Mengenai *Ghalat*

Sememangnya tidak ada satu definisi yang jelas dari ulama mazhab mengenai *ghalat*, tetapi pandangan-pandangan mereka boleh diaitkan dengan *ghalat*.

Mahmud Urjandī dari mazhab Hanafī menegaskan bahawa *ghalat* dalam akad jualbeli berlaku pada barang dan sifat barang. Ini dapat dilihat dalam kitab *Fatāwī al-Khāniyyah*.²¹

“ Jika seseorang membeli sebentuk cincin yang bermatakan delima tetapi sebenarnya bermatakan kaca maka jualbeli tersebut adalah batal kerana kedua-duanya dari jenis yang berbeza.”

Ghalat pada sifat barang pula diuraikan oleh al-Mirdāwī dalam kitab *al-Insāf*.²²

“ Syarat binatang yang patuh juga boleh dikenakan kepada binatang tunggangan atau pandai memburu kepada harimau. Syarat-syarat sedemikian adalah sah dan jika tidak dipenuhi tuntutan fasakh boleh dibuat.”

Berdasarkan kepada dua teks di atas menunjukkan bahawa ulama Hanafī membantalkan akad yang terdapat *ghalat* pada jenis barang dan sifat barang. Ini juga menunjukkan mereka mengaitkan sahaja *ghalat* dengan jenis barang dan sifat barang tanpa memberikan satu definisi yang jelas.

Pada pandangan al-Dus $\bar{u}q$ \bar{i} *ghalat* adalah kejahanan yang berlaku pada nama khusus barang yang dijual. Jika sesuatu barang disebut dengan nama am yang meliputi nama khas, penjual tidak mempunyai apa-apa hak terhadap barang tersebut.²³

Pandangan al-Dus $\bar{u}q$ \bar{i} dari mazhab Malik \bar{i} ini menekankan bahawa *ghalat* adalah kejahanan yang berlaku pada nama barang atau nama am seperti seseorang yang membeli atau menjual sebiji batu dengan harga yang murah kemudian didapati ia merupakan batu delima, maka penjual tidak mempunyai hak pada barang itu sendiri. Oleh itu pandangan beliau mengenai *ghalat* juga mengaitkannya dengan jenis barang.

Ulama Sy $\bar{a}fi'$ \bar{i} juga menekankan *ghalat* pada barang dan sifat barang contohnya Imam Nawaw \bar{i} lebih cenderung untuk membatalkan akad jika berlaku kesilapan berlaku pada barang,²⁴ misalnya kesilapan yang berlaku semasa jualbeli di antara baghal dan keldai.

Begitu juga dengan *ghalat* pada sifat barang seperti yang dinyatakan oleh Imam Sy $\bar{ir}az$ \bar{i} bahawa jualbeli yang mensyaratkan seorang hamba yang pandai menulis mesti dipenuhi.²⁵ Jika syarat tersebut tidak dipenuhi pembeli berhak memulangkan kembali hamba tersebut.

Ulama Hanbal \bar{i} juga mempunyai pandangan yang sama mengenai *ghalat* kerana mereka juga menitikberatkan *ghalat* pada barang dan sifat

barang. Ini dapat dilihat seperti yang dinyatakan oleh al-Bahūtī bahawa jualbeli yang bercanggah di antara yang dilafazkan dan ditunjukkan adalah tidak sah seperti kuda dengan keldai.²⁶

Manakala *ghalat* pada sifat barang boleh dilihat melalui pendapat Ibn Qudāmah yang membolehkan syarat ditetapkan pada sesuatu barang seperti mensyaratkan Muslim pada seorang hamba yang hendak dibeli. Tetapi jika syarat tersebut tidak ada maka pembeli berhak menuntut *khiyār*.²⁷

Secara keseluruhannya ulama-ulama mazhab hanya mengaitkan *ghalat* dengan jenis dan sifat barang sahaja untuk menggambarkan pendapat dan gambaran mereka mengenai *ghalat* dalam akad.

2.5. Pandangan Sarjana Islam Modern Mengenai *Ghalat*

Berbagai takrifan dan definisi yang diketengahkan oleh sarjana Islam mengenai *ghalat*. Antaranya ialah: Dr `Abd Razzāq Ahmad al-Sanhurī mentakrifkan *ghalat* sebagai satu keadaan dalaman atau naluri manusia yang menggambarkan atau menyangkakan sesuatu yang tidak menepati pada hakikat yang sebenar samaada hakikat tersebut tidak benar yang disangkanya benar atau sebaliknya.²⁸

Dr Mustafá Ahmad Zarqá' pula mentakrifkannya sebagai sangkaan yang digambarkan oleh orang yang berakad berlawanan dengan realiti dan boleh membawa kepada akad terbatal kerana sangkaan tersebutlah yang mendorong ia melakukan akad.²⁹

Syekh Badrán Abú 'Aynayn Badrán mentakrifkan *ghalat* sebagai barang yang digambarkan oleh orang yang berakad adalah berbeza dengan dari segi keadaan dan sifatnya dari hakikat yang sebenar.³⁰

Dr 'Iwad Muhammad mentakrifkan *ghalat* sebagai satu keadaan dalaman atau naluri seseorang manusia yang menghendaki sesuatu tetapi keadaan yang sebenarnya adalah sebaliknya atau tidak menepati citarasanya.³¹

Ahmad Farráj Hussayn pula mentakrifkan *ghalat* sebagai barang yang diserahkan kepada orang yang berakad adalah berbeza dengan naluri orang yang berakad samada dari segi zat atau sifat barang yang telah dipersetujui bersama.³²

Kebanyakkan takrifan yang dikemukakan oleh sarjana Islam hampir sama sahaja kerana mereka seolah-olah lebih menitikberatkan kepada masalah dalaman atau sangkaan seseorang mengenai barang yang dipersetujui bercanggah dengan keadaan yang sebenar.

Takrifan ini seolah-olah lebih mirip kepada sistem perundangan Latin yang mempelopori aliran subjektif atau kehendak dalaman dari prinsip Islam sendiri yang lebih menekankan persoalan yang lebih objektif dan jelas iaitu persoalan luaran.³³ Persoalan tersebut seperti pada barang, orang yang berakad dan ungkapan orang yang berakad. Meskipun mereka ada menyatakan dalam definisi yang dikemukakan tetapi bukanlah tumpuan sebenar dalam definisi mereka. .

Oleh itu satu definisi yang jelas perlu diketengahkan dan bersesuaian dengan prinsip Islam yang lebih menekankan aspek luaran. Satu kaedah umum Islam menyatakan "Sesuatu sangkaan tidak dikira jika kesalahan tersebut begitu jelas."³⁴ Kesilapan merupakan satu yang jelas bukannya satu gambaran atau sangkaan semata-mata. *Ghalat* merupakan sesuatu yang bersifat material atau luaran berdasarkan kaedah umum yang difahami di kalangan ulama iaitu akad hanya diterima dari segi lafaz bukan dari segi niat.³⁵ Niat yang tidak disertakan dengan bukti melalui ungkapan tidak dapat diterima. Oleh itu *ghalat* tidak boleh diterima jika ia bersifat dalaman semata-mata.

Berdasarkan perkara-perkara tersebut, pertentangan antara persoalan objektif dan subjektif tidak sepautnya berlaku kepada seseorang yang hendak melakukan akad. Satu peristiwa yang dikemukakan kepada Imam Malik mengenai seorang yang menjual baju dengan harga biasa. Kemudian si pembeli memberitahu kepada penjual bahawa kain yang dijualnya

sebenarnya diperbuat dari sutera. Imam Malik menegaskan bahawa barang tersebut menjadi milik pembeli dan penjual tidak mempunyai apa-apa hak terhadap barang baju tersebut.³⁶

Pada pendapat penulis, definisi yang sesuai dengan *ghalat* ialah ungkapan yang tidak bersesuaian di antara tindakan secara tidak sengaja. Definisi ini lebih menyeluruh pada semua bahagian *ghalat* yang akan diterangkan. Ungkapan yang dikeluarkan semasa akad perlulah bersesuaian dengan tindakan, samada pada jenis barang, sifat barang, harga barang dan undang-undang Syarak.

Rujukan

1. Ibn Manzūr, Abū al-Fadl Jamāluddīn, *Lisān al-`Arab*, Beirut: Maktabah Beirut, 1955, jil 31, m.s. 393.
2. H. Anthony Salmone, *An Advance Learner's Arabic-English Dictionary*, Beirut: Percetakan Lubnan, 1978, m.s. 653.
3. Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dwi Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur: Percetakan DBP, cet ke 10, 1995, m.s. 795.
4. Dr Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Percetakan DBP, 1970, m.s 550.
5. Ibn Manzūr, *Op.cit.*, jil 1, m.s. 65; Al-Zubaydī, *Tājīd al-`Arūs*, Muhammad al-Murtadā, Libya: Dar Libya, (t.t), jil, 1, m.s. 61.
6. Al-Jawziyyah, Ibn Qayyim, *Awn Ma`būd Syarḥ Sunan Abī Dāwūd*, Beirut: Darul Kutub al-`Ilmiyyah, jil 10, m.s. 64.
7. *Ibid.*
8. Haji Zainal Abidin Safarjan, *Kamus Besar Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 1995, m.s. 28.
9. *Majallah al-Ahkām al-`Adliyyah*, cet ke 2, 1868, m.s. 29.

10. Al-Zuhayl i, Wahbah, *al-Fiqh al-Islam i wa Adillatuhu*, Damsyik: D arul al-Fikr, cet ke 3, 1989, jil 4, m.s. 81; Muhammad Y usuf M us a, *al-Fiqh Islam i Madkhal li Dir asah Niz am Mu` amal at*, Kaherah: D arul Kitab al-Arab i, cet ke 2, 1958, m.s. 322.
11. Al-Taftaz an i, Sa`dudd in , Mas` ud bin `Umar, *Syarh al-Tatw ih Al a al-Tawd ih*, Beirut: D arul al-Kutub al-Ilmiyyah, (t.t), jil 2, m.s. 195.
12. Sa` id Haw a, *al-As as f i al-Tafs ir*, Kaherah: Maktabah D arul al-Sal am, cet ke 2, 1989, jil, 8, m.s. 388.
13. Al-Qazw in i, Muhammad bin Zayid, *Sunan Ibn M ajjah*, Kaherah: Percetakan Is a al-Halab i, (t.t), jil 2, m.s 659.
14. *Ibid*, jil 2, m.s. 784.
15. Sadl an, S aleh bin Gh anim, *al-Qaw a'id al-Fiqhiyyah al-Kubr a*, Riyadh: D ar al-Balansiyyah, 1314 Hijrah, m.s. 499.
16. Abd Fatt ah `Abd B aq i, *Nazariyy at al-'Aqd wa Ir adah al-Munfaridah*, Kaherah,: Maktabah Nahdah,1984, m.s. 296.
17. Sanh ur i, `Abd Razz aq Ahmad, *Mas adir al-Haqq*, Kaherah: D arul al-Nahdah al-Arabiyyah, (t.t), jil 2 , m.s. 99.

18. Sanh ӯr i, `Abd Razz ǟq Ahmad, *al-Was iṭ Syarḥ al-Q ߰n ߰n al-Madan i*, Kaherah: Percetakan Hamburg, 1952, jil 1, m.s. 87.
19. Tom Little, *Modern Egypt*, London,: Ernest Bean Limited, cet ke 3, 1971, m.s. 28-29.
20. Sanh ӯr i, `Abd Razz ǟq Ahmad, *Op.cit.*, *al-Was iṭ*, jil 1, m.s. 87.
21. Al-Urjand i, Mahm ӯd, *Fat ߰w a al-Kh ߰niyyah*, Beirut: D ߰arul Ihya' al-Tur ߰ath al-'Arab i, (t.t), cet ke 4, jil 2, m.s. 134.
22. al-Mird ߰aw i, `Al ߰a'udd ߰in 'Al i bin Sulaim ߰an, *al-Ins ߰f*, Kaherah: Ihya' Tur ߰ath al-'Arab i, cet ke 2, 1980, jil 4, m.s. 340.
23. Al-Dus ߰uq i, Samsyudd ߰in Muhammad Asyraf, *H ߰asiyyah al-Dus uq i Ḳal a Syarḥ al-Kab ir*, Kaherah, Maktabah Zahrah, (t.t), jil 3, m.s. 139.
24. Al-Nawaw i, Ab ߰u Zakariyy ߰a Mahyudd ߰in bin Syaraf, *Al-Majm ߰u'*, Madinah al-Munawwarah, Maktabah al-Salafiyyah, (t.t), jil 1, m.s. 513.
25. Al-Sy ߰iraz i, Ab ߰u Ish ǟq Ibr ߰ah ߰im, *Al-Muhadhdhab*, Kaherah: Maktabah al-Halab i, cet ke 2, 1976, jil 1, m.s. 278.
26. Al-Bah ߰ut i, Mans ߰ur bin Y ߰unus, *Kasasy ߰f al-Qin a*, Beirut: D ߰arul al-Fikr, 1982, jil 3, m.s. 165.

27. Ibn Qudāmah, Abū 'Abdullah, *al-Mughnī*, Riyadh: Maktabah Riyadh al-Hadīthah, 1971, jil 4, m.s. 171.
28. Sanhūr i, 'Abd Razzāq Ahmad, *Op. cit., al-Wasīt*, jil 1. m.s. 289.
29. Al-Zarqā', Mustafā Ahmad, *al-Madkhal al-Fiqh al-'Āmm*, Beirut: Darul al-Fikr, 1986, jil 1 m.s. 390.
30. Badrān Abū 'Ainayn Badrān, *al-Syarī'ah al-Islāmiyyah Tarīkhuhā wa Nazariyyah al-Milkiyyah wa 'Uqud fī al-Syarī'ah a-Islāmiyyah*, Iskandariah: Mu'assasah al-Syabab al-Jāmi'iyyah, (t.t), m.s. 515.
31. 'Iwad Muhammad, *Jarā'īm al-Asykh as-sā'ah wa al-Amwāl*, Iskandariah: Darul al-Matbu'ah al-Jāmi'iyyah, 1975, m.s. 400.
32. Ahmad Farrāj Hussayn, *al-Milkiyyah wa Nazariyyat al-'Uqud fī al-Syarī'ah a-Islāmiyyah*, Iskandariah: Darul al-Jāmi'iyyah, 1986, m.s. 292.
33. Sanhūr i, 'Abd Razzāq Ahmad, *Op. cit., al-Wasīt*, jil 1, m.s. 83.
34. Al-Sayyūtī, Jalāluddīn, *al-Asyib al-hāfi wa al-Nazārīr*, Beirut: Darul-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983, m.s. 157.
35. Al-Khafīf, Muhammad 'Alī, *Al-Ahkām al-Mu'amalat al-Syarī'ah*, (t.t), m.s. 326.

36. Al-Hattāb, *Mawāhib al-Jalīl*, Beirut: Darul al-Fikr, cet 2, 1978, jil 4, m.s. 466.